

07 SEP 1996

Mahathir - Kereta

MALAYSIA MUNGKIN ANJUR LUMBA KERETA SOLAR

JOHOR BAHRU, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan penerokaan Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang kereta kuasa solar sebagai satu usaha yang baik dan menyebut mengenai kemungkinan satu perlumbaan diadakan di Malaysia.

Bagaimanapun, mereka yang terbabit khususnya dalam bidang itu perlu mendalami dan memahami teknologi itu kerana kualitinya masih rendah, katanya pada persidangan berita selepas melancarkan "University-Industry Technology Advancement Programme" (UNITAP) di UTM Skudai di sini hari ini.

Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan pertandingan lumba kereta solar juga boleh diadakan di negara ini. Bagaimanapun, Malaysia menghadapi masalah cuaca yang tidak menentu.

"Ini berbeza dengan Australia di mana sepanjang jalan rayanya cuaca sentiasa cerah dengan cahaya matahari," kata beliau.

Beliau kemudiannya merasmikan tiga kereta ciptaan Kumpulan Penyelidikan dan Pembangunan Automatif dan Aeronautik UTM iaitu kereta solar "Suria 2020", kereta sport pertama negara "ARG - 10" dan kereta lumba Formula M.

Dr Mahathir juga turut menerima sumbangan cek bernilai RM518,000 daripada seorang usahawan, Datuk Tharu T. Tharumagnanam bagi melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan UTM. Sumbangan itu adalah hasil jualan buku yang bertajuk "The Making Of The National Car - Not Just A Dream" yang ditulis oleh Tharu.

Pensyarah Falkuti Kejuruteraan Mekanikal UTM, Abdul Mutaali Othman yang juga pengurus projek itu berkata UTM sedang mencari pelumba untuk memandu kereta solar "Suria 2020" yang akan bertanding pada perlumbaan "World Solar Challenge" di Australia pada 27 Okt ini.

Beliau berkata kriteria tertentu yang perlu dimiliki oleh pelumba itu ialah kekuatan mental dan fizikal serta mampu mengendalikan kenderaan itu dengan cekap.

Pemilihan terbuka kepada pelajar dan kakitangan UTM yang berminat. Keputusannya dijangka diketahui pada akhir bulan ini, katanya.

Perlumbaan "World Solar Challenge" merupakan kejohanan lumba kereta yang unik untuk kereta menggunakan kuasa tenaga solar. Setakat ini tiga pertandingan telah diadakan iaitu pada 1987, 1990 dan 1993.

Sebanyak 54 peserta dari beberapa negara dijangka menyertai perlumbaan sejauh 3,010 kilometer bermula dari Darwin dan berakhir di Adelaide.

Bagaimanapun, Abdul Mutaali tidak menaruh harapan besar untuk memenangi perlumbaan itu, "tetapi cukuplah sekadar dapat menamatkan perlumbaan itu dengan sempurna."

UTM memulakan kajian reka bentuk dan pembangunan projek kereta solar sejak dua tahun lepas dengan mengambil kira keadaan sebenar laluan dan persekitaran di Australia.

Kereta solar itu lebarnya dua meter dan panjang enam meter mampu mencatat kelajuan sehingga 48 kilometer sejam.

UTM memperuntukkan RM650,000 untuk merekacipta sebuah kereta itu. --

BERNAMA

BH MAI